

**TEKS UCAPAN ALUAN
BRIGEDIER JENERAL DATUK PROFESOR DR KAMARUDIN
HUSSIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN “SIMPOSIUM KETIGA PEMBANGUNAN
SUMBER MANUSIA UNTUK SUMBER MINERAL 2014”**

**18 DISEMBER 2014
HOTEL PUTRA PALACE, KANGAR, PERLIS**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berhormat Tuan Romli Bin Dai, Setiausaha
Kerajaan Negeri Perlis mewakili YAB Menteri Besar
Perlis

Yang Berbahagia Dato’ Sri Dr Mohd Ajib Anuar,
President Dewan Perlombongan Malaysia dan
Pengerusi Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan)
Perusahaan Timah

Yang Berbahagia Prof Madya Dr. Arham Abdullah,
Pengarah Bahagian Hubungan Industri,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP
Pegawai-pegawai Utama Universiti
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP
Para pembentang kertas kerja,
Wakil-wakil industri, Wakil-wakil IPT,
Para peserta simposium dan hadirin hadirat
sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini sempena Majlis Perasmian '**Simposium Ketiga Pembangunan Sumber Manusia untuk Industri Sumber Mineral 2014**'.
2. Sebagai pembuka bicara, saya bagi pihak Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB

Tuan Romli Bin Dai, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis mewakili YAB Menteri Besar Perlis atas kesudian beliau untuk hadir merasmikan Simposium kita pada pagi yang berbahagia ini.

3. Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Dewan Perlombongan Malaysia atas kepercayaan yang diberikan kepada Universiti Malaysia Perlis untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran Simposium Ketiga Pembangunan Sumber Manusia untuk Sumber Mineral pada tahun 2014 ini.

4. Ribuan terima kasih secara peribadi kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Dr Ajib Hj Anuar selaku Presiden Dewan Perlombongan Malaysia atas sumbangan beliau kepada UniMAP yang telah terlibat secara langsung dalam menjayakan acara-acara UniMAP pada tahun ini iaitu Majlis Makan Malam dan Simposium kita pada hari ini serta Persidangan ***International Conference on Functional Materials & Metallurgy 2014 (ICoFM2014)*** yang telah berlangsung pada September yang lalu.

5. Sekalung penghargaan juga diberikan kepada Malaysia Smelting Corporation Group (MSC Group) dan Rahman Hydraulics Sdn Bhd selaku *Platinum Business Partner*.

Kumpulan Semesta Sdn Bhd dan Selinsing Gold Mine Manager Sdn Bhd selaku *Gold Business Partners* simposium pada hari ini.

6. Terima kasih juga kepada Benua Mining Sdn Bhd dan CMNM Mining Group yang turut menaja simposium ini. Berikan tepukan yang gemuruh kepada ke semua agensi yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN OLEH UniMAP

Hadirin yang dihormati,

7. Pembangunan modal insan (*Human Capital Development*) adalah agenda utama sesebuah universiti yang menyumbang kepada pembentukan sesebuah bangsa dan negara. UniMAP sebagai salah sebuah institusi pendidikan tinggi yang mempelopori pendidikan

dan pengajian teknikal dibawah rangkaian *Malaysian Technical University Networks (MTUN)* telah dipertanggungjawabkan untuk melahirkan jurutera dan jurutera teknologi yang kompeten dan berupaya memenuhi keperluan industri tenaga mahir negara.

8. Alhamdulillah, setelah lebih sepuluh tahun bertapak di Negeri Perlis ini, UniMAP adalah antara universiti yang telah menjadi antara penyumbang utama pembangunan modal insan dalam bidang teknikal dan kejuruteraan di utara tanah air ini.

9. Sehingga kini, UniMAP telah mempunyai 21 program kejuruteraan yang merangkumi pelbagai bidang dan disiplin ilmu dan kesemua program kejuruteraan kita telah diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia. UniMAP juga telah mempelopori program-program teknologi kejuruteraan dengan menawarkan sebanyak 13 program teknologi kejuruteraan dan tambahan 3 lagi program baru yang memulakan pengambilan pertamanya pada September 2013 dan juga 2014 yang lepas. Manakala Kohort

pertama graduan teknologi kejuruteraan akan menjalani latihan industri pada akhir Januari nanti dan dijangka akan menamatkan pengajian pada Jun 2015. InsyaAllah.

10. Bagi memastikan kandungan kurikulum program-program kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan yang sedia memenuhi keperluan semasa industri, pihak UniMAP telah melantik sekumpulan Panel Penasihat Industri (IAP) untuk setiap Pusat Pengajian Kejuruteraan.
11. Penglibatan aktif pihak industri selaku panel AIP telah memberi input dan maklumbalas yang amat berguna terhadap kandungan kurikulum program-program yang telah dan sedang ditawarkan, agar para graduan yang kita hasilkan akan memenuhi keperluan pihak industri.
12. Demikianlah sedikit sebanyak pengalaman sinergi kerjasama erat antara UniMAP dan industri selama lebih sepuluh tahun telah membantu meningkatkan kebolehpasaran

graduan UniMAP selepas tamat pengajian mereka di sini.

PENUTUP

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih atas sokongan pihak Kerajaan Negeri, Dewan Perlombongan Malaysia, para Panel Jemputan daripada industri dan Kementerian Pengajian Tinggi, para peserta simposium daripada industri, agensi dan jabatan kerajaan serta wakil-wakil staf akademik dan pelajar daripada pelbagai institusi pengajian tinggi. Terima kasih kepada sekretariat simposium yang telah bertungkus lumus menjayakan simposium ini.

Sekian sahaja daripada saya,
Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

